

**NGO Islam mahu gereja Sabah, Sarawak turut dilarang guna Allah  
Malaysian Insider  
Oct 14 , 2013  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Datuk Zulkifli Noordin menggesa gereja di Sabah dan Sarawak berhenti menggunakan kalimah Allah dalam Al-Kitab mereka selepas Mahkamah Rayuan hari ini tidak membenarkan akhbar Herald menggunakan kalimah Arab itu dalam akhbar mingguan mereka.

Naib Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) itu berkata Al-Kitab dalam bahasa Melayu masih boleh diedarkan di seluruh Malaysia namun 32 muka surat yang mengandungi kalimah Allah dilarang kepada kaum bukan Islam sebagaimana dalam enakmen di beberapa buah negeri.

"Saya tiada masalah jika mereka mahu menerbitkannya tanpa kalimah Allah dan 32 muka surat tersebut ," katanya ketika ditemui media di perkarangan Istana Kehakiman hari ini.

Zulkifli berkata gereja di Sabah dan Sarawak perlu didedahkan dengan keputusan hari ini yang menegaskan kalimah Allah bukan isu pokok dalam kepercayaan Kristian.

Katanya, penganut Kristian di Indonesia berhenti merujuk Allah sebagai tuhan selepas lagu 'Allah Peduli' nyanyian Agnes Monica diharamkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor pada 2009.

"Penganut Kristian di Indonesia telah menggantikan kalimah Allah dengan Elohim, jadi mengapa mereka tidak boleh berbuat demikian?"

"Mereka mengubah Al-Kitab sehingga tiada kalimah Allah di dalamnya."

Elohim merujuk kepada nama tuhan yang digunakan dalam Bible berbahasa Yahudi.

Mahkamah Rayuan hari ini memutuskan akhbar Herald tidak dibenarkan menggunakan kalimah Allah dalam terbitan mingguannya.

Hakim Datuk Seri Mohamed Apandi Ali yang membaca keputusan berkata Menteri Dalam Negeri menggunakan kuasa yang sepatutnya bagi menghalang Herald untuk menggunakan kalimah Allah dalam edisi bahasa Melayunya.

Isu kalimah Allah kembali mencuri perhatian sejak September lalu setelah tiga tahun Putrajaya memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang membenarkan akhbar Herald menggunakan kalimah itu. – 14 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ngo-islam-mahu-gereja-sabah-sarawak-turut-dilarang-guna-allah>

